

## KERATAN AKHBAR



SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN		
TARIKH	:	1/5/2019	MUKA SURAT	: 6
JABATAN	:	KATS / YBM / SYABAS / SPLASH		
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>		

# Struktur perkhidmatan air Selangor pencapaian terbesar

**Putrajaya:** Penstrukturan perkhidmatan air Selangor antara kejayaan terbesar dicapai Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS), selain sembilan yang lain, sepanjang setahun di bawah kerajaan Pakatan Harapan (PH).

Menternya, Dr A Xavier Jayakumar, berkata sebaik dilantik mengetuai KATS, beliau menjalankan usaha menyelesaikan isu penstrukturan semula perkhidmatan air di Selangor yang berlarutan sejak sekian lama berkaitan kemelut politik antara kerajaan negeri dengan Kerajaan Persekutuan terdahulu.

"Penyelesaian itu membolehkan pengambilalihan empat syarikat konsesi air; iaitu Puncak Niaga Sdn Bhd (PNSB), Konsortium ABASS Sdn Bhd (ABASS), Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) dan Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor Sdn Bhd (SPLASH).

"Ini menjadikan Syarikat Pengurusan Air Selangor sebagai operator tunggal perkhidmatan bekalan air di negeri itu, Kuala Lumpur dan Putrajaya," katanya pada sidang media pencapaian prestasi kementeriannya sempena setahun kerajaan Pakatan Harapan (PH), semalam.

Xavier berkata, beliau juga memberi keutamaan terhadap Kempen

Selamatkan Harimau Malaya yang kini diancam kepupusan dengan bilangannya kira-kira 180 ekor di negara ini.

"Kita mahu hukuman lebih tegas dikenakan kepada pemburu harimau. Sekarang mereka yang terbabit didenda maksimum RM500,000 dan penjara setahun, kita mahu denda dinaikkan kepada RM5 juta dan 10 tahun penjara," katanya.

Beliau berkata, berkaitan Air Tindakan Berhasil (NRW), KATS menetapkan sasaran purata penurunan NRW kebangsaan kepada 31 peratus pada hujung Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11), bertujuan mengelak pembaziran dan kerugian.

"Kita mahu dalam 15 tahun akan datang atau memenui tiga RMK, penurunan NRW dibuat kepada jumlah yang wajar" katanya.

Mengulas perlembangan bausit, katanya, KATS menyediakan prosedur operasi standard (SOP) bagi memastikan pengurusan industri yang baik dan lestari, selain meminimumkan kesan aktiviti itu kepada orang awam.

"KATS juga melaksanakan pemasyhuran Jerai Geopark, Kedah dan Lembah Kinra Geopark di Perak bagi memberi destinasi baharu

industri pelancongan serta pemuliharaan sumber warisan geologi, selain memberi peluang masyarakat setempat menjana pendapatan tambahan," katanya.

Xavier berkata, pihaknya juga sudah memuktamadkan 74 peratus jarak sempadan antarabangsa darat negara dengan Thailand di Semenanjung serta Brunei dan Indonesia di Sabah serta Sarawak, meliputi jarak sepanjang 2,431 kilometer (km).

## Pembangunan sumber air bawah tanah

Beliau berkata, bagi penyelesaian masalah banjir di Tawau, Sabah, kementeriannya menyediakan peruntukan RM300 juta bagi membangunkan Rancangan Tebatan Sungai Tawau yang dijangka siap sepenuhnya menjelang 2022.

"Selain itu, kementerian memberi tumpuan pembangunan sumber air bawah tanah di kawasan bertekanan rendah dan bermasalah melalui pembangunan telaga tiub dengan 35 sudah dibina dan 9,000 orang menerima manfaat.

"Pencapaian kesembilan, berkaitan pencegahan kebakaran tanah gambut dengan menyediakan SOP menangani kebakaran terutama pada musim kemarau. Ini terma-



[FOTO MOHD FADLI HANZAH/BH]

Xavier pada sidang media sempena setahun Pakatan Harapan memerintah di Putrajaya.

## Fakta nombor

**RM300 JUTA**

bangunkan Rancangan Tebatan Sungai Tawau yang dijangka siap sepenuhnya menjelang 2022

suk pengaktifan 25 telaga air bawah tanah di sembilan lokasi seluruh negara," katanya.

Xavier turut berbangga apabila kementeriannya mendapat pengiktirafan antarabangsa menerusi kejayaan Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) merangkul tiga pingat emas pada Istanbul International Inventions Fair 2018.

Beliau berkata, KATS mahu menggalakkan semula perlembangan timah yang terhenti kira-kira 35 tahun lalu berikutan ada permintaan dan minat pelabur, selain harganya tinggi dianggarkan AS\$20,000 atau RM82,000 bagi setiap tan.